



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

23 JUN 2026 (SELASA)

Pemandu Lori Nahas FRU Bebas Kes Pindah Lembu Curi			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	2	23 Jun

Pemandu lori nahas FRU bebas kes pindah lembu curi

IPOH – Pemandu lori yang teribat dalam nahas tragis mengorbankan sembilan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) pada Mei tahun lalu, dilepaskan dan dibebaskan semalam daripada pertuduhan memindahkan dua ekor lembu curi.

Majistret Naidatul Athirah Azman memutuskan untuk tidak memanggil Rudi Zulkarnain Mat Radi, 45, untuk membela diri atas pertuduhan itu selepas mendapati pihak pendakwa gagal membuktikan prima facie.

Mahkamah juga menetapkan supaya wang jaminan bernilai RM3,000 dipulangkan kepada tertuduh.



RUDI ZULKARNAIN (kanan) dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Majistret Teluk Intan semalam atas tuduhan memindahkan dua ekor lembu curi, tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa telah memindahkan harta curi iaitu seekor lembu jantan berwarna hitam baka KK Cros dan seekor lembu jantan berwarna putih baka Brahman milik seorang lelaki warga emas berusia 66 tahun daripada tempat asalnya di sebuah kebun dekat Kampung Keli Sungai, Hutan Melintang.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di Kampung Kebun Baru, Hutan Melintang pada pukul 6 petang, 14 April 2025.

Bagi pertuduhan itu, dia didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 414 Kanun Keseksaan,

penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Darwis Aghniya Halim Azizi, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd. Hafizudin Khan Norkhan dan Nur Intan Syakierah Zakaria.

Sementara itu, difahamkan proses perbicaraan kes tertuduh bagi pertuduhan memandu secara berbahaya sehingga menyebabkan kematian sembilan anggota FRU pada 13 Mei tahun lalu masih berjalan dan dijangka disambung semula pada penghujung Oktober ini.

Tular Video Hayun Sugar Glider Berulang Kali, Gadis Akui Salah & Mohon Maaf			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buzz Kini	Trending	Dalam Talian	22 Jun



Buzz Kini

Sebagai manusia, kita perlu bersikap ihsan terhadap haiwan memandangkan ia juga merupakan makhluk Allah. Bagaimanapun, masih ada yang bertindak berkasar dan menganiaya hidupan-hidupan ini.

Itulah yang berlaku kepada seekor sugar glider baru-baru ini.

Gadis Selamba Tarik Ekor Sugar Glider

Tular satu hantaran di laman Threads

apabila seorang individu telah mendedahkan aksi seorang gadis yang didakwa telah mengasari seekor sugar glider (tupai terbang).

Menerusi video dikongsi, kelihatan gadis itu sedang menarik ekor haiwan mamalia tersebut meskipun sudah nampak ia cuba untuk melepaskan diri.

Gadis Kemudian Hayun Ekor Sugar Glider Sambil Tergelak

Tidak cukup dengan itu, gadis terbabit kemudiannya bertindak menghayun sugar glider itu 360 darjah berulang kali sambil memegang ekornya.

Dalam video sama, kendengaran juga beberapa individu yang berada di tempat kejadian telah menegur dan menghalang gadis itu daripada berbuat demikian.

Bagaimanapun, gadis berkenaan hanya tergelak ibarat ia adalah satu hiburan dan menghayun sugar glider itu beberapa kali sebelum akhirnya melepaskannya.

“Ni Penderaan Haiwan Oi!” – Netizen

Perkongsian tersebut kemudiannya telah membuatkan ramai pengguna Threads berang malah telah mendakwa gadis itu menganiaya sugar glider itu.

“Setakat pegang ekor boleh terima lagi. Tapi sampai kau pusing-pusingkan budak (sugar glider) tu? Melampau eh. Cuba tarik rambut dia, pusing-pusingkan macam tu, sakit ke tidak,” kata seorang wanita.

Malah segelintir individu turut membuat aduan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar berhubung

insiden tersebut.

Difahamkan, gadis itu telah memuat naik sendiri video tersebut di akaun TikTok miliknya. Namun menerusi semakan kami, gadis terbabit telah memadam video berkenaan dipercayai selepas mendapat kecaman ramai.

Gadis Mohon Maaf & Akui Salah ‘Kacau’ Sugar Glider

Pun begitu dalam perkembangan terbaru, dia telah pun memohon maaf dan mengakui kesalahannya.

Menerusi satu kenyataan dikongsi di TikTok Story, gadis berkenaan meminta kerjasama semua pihak untuk menurunkan video yang dimuat naik semula itu.

Ekor Sugar Glider Boleh Diamputasi Jika Cedera

Sekadar info, menurut klinik haiwan [Myra Pet House](#), ekor sugar glider adalah organ yang sensitif dan boleh mengalami kecederaan jika haiwan itu tidak dikendalikan dengan betul.

Sekiranya luka tersebut parah dan

serius, sugar glider tersebut berkemungkinan perlu melalui prosedur Caudectomy (amputasi) bagi mengelakkan jangkitan merebak.

-BUZZKINI

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR